



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	24/3/2021	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	KeTSA / JPSPM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Dasar Perhutanan Malaysia tidak hadkan hak negeri

Kuala Lumpur: Dasar Perhutanan Malaysia tidak mengehadkan hak negeri untuk mengambil tindakan berhubung pengurusan hutan selaras objektif dan peruntukan dasar itu.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah, menjelaskan dasar ini saling melengkapi serta tidak menurangkan peruntukan dalam mana-mana dasar lain berkaitan pengurusan hutan yang masih berkuat kuasa.

"Pengurusan hutan di negara ini adalah bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan telah dinya-

takan dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Setiap negeri ada kuasa untuk menguruskan perhutanan di negeri masing-masing," katanya ketika pada *BERNAMA* selepas menjadi tetamu program *Ruang Bicara* terbitan *Berita TV* bertajuk *Komited Kekal Hijau*, malam kelmarin.

Justeru, Shamsul Anuar berkata, penerapan strategi dan pelan tindakan bawah dasar itu adalah hak mutlak negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Beliau menegaskan Dasar Perhutanan Malaysia tidak sesekali

mengambil alih kuasa kerajaan negeri dan ia harus dibaca bersama mana-mana dasar bertulis lain berhubung pengurusan hutan bagi ketiga-tiga wilayah berkenaan.

Dasar Perhutanan Malaysia yang dilancarkan Ahmad lalu, telah dipersetujui semua kerajaan negeri pada mesyuarat Majlis Tindakan Negara Ke-78 dan melalui proses rundingan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak 2016.

Ditanya mengenai penguatkuasaan dan pemantauan hutan pula, Shamsul Anuar berkata, pihak-

nya turut berkolaborasi dengan pelbagai agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), untuk memantau kawasan berisiko tinggi bagi kes pencerobahan hutan.

Selain pengenalan dasar itu, beliau berkata, kementerianya juga menekankan pengukuhan penggunaan teknologi dalam pengurusan hutan di Malaysia melalui pendigitalan sumber dan operasi hutan.

"Ini termasuk pengembangan aplikasi berteknologi tinggi, pembangunan data dan teknologi

geospasial dalam mencegah pencerobahan hutan (perikara ini) selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0," katanya.

Mengulas mengenai Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 pula, Shamsul Anuar berkata, lebih empat juta pokok berjaya ditanam di seluruh negara sejak ia dilancarkan pada Januari lalu.

Beliau berkata, ia memabutkan 8,770 hektar kawasan dan 455 spesies pokok seperti yang direkodkan melalui aplikasi mudah alih 'Penghijauan Malaysia'.

BERNAMA